



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 7 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	WARGA EMAS BUTA TINGGAL BERSAMA JASAD ANAK DITEMPATKAN DI RUMAH SERI KENANGAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-buta-tinggal-bersama-jasad-anak-ditempatkan-di-rumah-seri-kenangan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-tinggal-bersama-mayat-anak-ditempatkan-di-rumah-seri-kenangan-nancy/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2499518	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1331125/mini-ster-calls-vigilance-after-blind-woman-crawls-help	NST.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/wanita-buta-warga-emas-merangkap-150-meter-cari-bantuan-ditempatkan-di-rumah-seri-kenangan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/warga-emas-buta-ditemui-tinggal-bersama-mayat-anak-ditempatkan-di-rumah-kebajikan/	THESUN.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296680/insiden-ibu-buta-tinggal-bersama-mayat-anak-amat-menyedihkan-nancy-shukri	HMETRO.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/insiden-wanita-buta-di-samarahan-nancy-seru-masyarakat-sukarelawan-lebih-peka/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759548/berita/semasa/wanita-buta-merangkap-dapatkan-bantuan-ditempatkan-di-rumah-seri-kenangan---nancy	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-buta-tinggal-bersama-jasad-anak-ditempatkan-di-rumah-seri-kenangan-550688	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/06/tinggal-bersama-mayat-anak-warga-emas-buta-ditempat-di-rumah-kebajikan	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116573/blind-mother-crawls-through-jungle-to-seek-help-pay-attention-to-others-not-only-during-elections-minister-tells-community-leaders	THEVIBES.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/06/blind-woman-found-with-daughters-body-to-be-placed-in-sarawak-care-home-says-nancy-shukri/200996	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2499543	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/06/blind-woman-who-spent-days-with-daughters-body-to-get-help	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/insiden-wanita-buta-tinggal-bersama-jasad-anak-selama-5-hari-amat-menyedihkan/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://dayakdaily.com/blind-mother-in-heartbreaking-samarahan-case-now-safe-in-welfare-home/	DAYAKDAILY.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/06/wanita-cacat-penglihatan-diselamatkan-terima-penjagaan-rapi/	TVSARAWAK.MY	
	https://themalaysianreserve.com/2025/12/06/blind-woman-found-with-daughters-body-to-be-placed-at-rumah-seri-kenangan/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=quJF5CPG6RY	YOUTUBE	
	https://www.youtube.com/watch?v=EUT_52XhyLU	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	NYAMAI GASTRONOMI FESTIVAL SARAWAK KEMBALI MERIAHKAN SCV		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/nyamai-gastronomi-festival-sarawak-kembali-meriahkan-scv	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://suarasarawak.my/lebih-100-gerai-juadah-tradisional-di-festival-gastronomi-nyamai-sarawak-2025/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/colourful-mini-sarawak-experience-at-scv-gastronomy-festival/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/06/sarawak-syurga-makanan-tradisional/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LAWA DIPERLUAS PERKASA WANITA MELALUI LATIHAN DIGITAL DAN KEWANGAN – NANCY		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/06/lawa-diperluas-perkasa-wanita-melalui-latihan-digital-dan-kewangan-nancy/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JANGAN TARIK BALIK LAPORAN KES DERA ATAU SUMBANG MAHRAM		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1481380/jangan-tarik-balik-laporan-kes-dera-atau-sumbang-mahram	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PERSIAPAN RUMAH SELAMAT WARGA EMAS		POSITIF
	https://suarasarawak.my/persiapan-rumah-selamat-warga-emas/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KPPPA DAN KKP GELAR BAZAR UMKM PEREMPUAN: DORONG EKONOMI DAN RAYAKAN HARI IBU 2025		POSITIF
	https://www.merdeka.com/peristiwa/kpppa-dan-kkp-gelar-bazar-umkm-perempuan-dorong-ekonomi-dan-rayakan-hari-ibu-2025-504118-mvk.html	MERDEKA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MASIH KURANG KESEDARAN MENGENAI 'MENOPAUSE' DALAM KALANGAN LELAKI - DOKTOR		NEUTRAL
	https://www.astroawani.com/gaya-hidup/masih-kurang-kesedaran-mengenai-menopause-dalam-kalangan-lelaki-doktor-550709	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	MANGSA BANJIR DI PERAK, SELANGOR MENURUN, PAHANG KEKAL		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296807/mangsa-banjir-di-perak-selangor-menurun-pahang-kekal	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/06/mangsa-banjir-di-perak-selangor-terus-turun-pahang-kekal	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2499658	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/more-flood-evacuees-return-home-perak-and-selangor/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	KASIHAN! 61 BAYI MASIH BERLINDUNG, TIDUR DI PPS		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296546/kasih-an-61-bayi-masih-berlindung-tidur-di-pps	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116561/thousands-including-61-babies-remain-in-flood-evacuation-centres	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	OKU HILANG PENDAPATAN SELEPAS BERDEPAN KEMALANGAN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1481426/oku-hilang-pendapatan-selepas-berdepan-kemalangan	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	IBU TUNGGAL JADI KAPTEN BAS TERBAIK DALAM KURSUS ANJURAN MAIWP		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296688/ibu-tunggal-jadi-kapten-bas-terbaik-dalam-kursus-anjuran-maiwp	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	FAHMI DEDAH ADA MURID 10 TAHUN MINTA GAMBAR TIDAK SENONOH DARIPADA GURUNYA		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1481597/fahmi-dedah-ada-murid-10-tahun-minta-gambar-tidak-senonoh-daripada	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/ada-murid-10-tahun-minta-gambar-tidak-senonoh-daripada-guru/	BULETINTV3.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/06/murid-darjah-empat-minta-gambar-tidak-senonoh-daripada-guru-fahmi/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2499633	BERNAMA.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/media-sosial-penetapan-had-umur-lindungi-pengguna-daripada-eksploitasi	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2499628	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=li2a9R1qhs0	YOUTUBE	
	https://www.scoop.my/berita/276420/fahmi-dedah-murid-10-tahun-minta-gambar-tidak-senonoh-guru/	SCOOP.MY	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/fahmi-murid-tahun-empat-cikgu/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	KANAK-KANAK LIMA TAHUN LEMAS DALAM KOLAM RUMAH KELAB		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296787/kanak-kanak-lima-tahun-lemas-dalam-kolam-rumah-kelab	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1481593/kanak-kanak-lima-tahun-lemas-dalam-kolam	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759582/berita/semasa/kanak-kanak-lima-tahun-dipercayai-lemas-di-kolam-rumah-kelab-ketika-program-tabika	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/06/kanak-kanak-lima-tahun-maut-dipercayai-lemas-di-kolam-rumah-kelab/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-lima-tahun-maut-dipercayai-lemas-di-kolam-rumah-kelab	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/06/budak-5-tahun-lemas-mandi-kolam	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2499644	BERNAMA.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/budak-lima-tahun-lemas-dalam-kolam-rumah-kelab/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1331290/5-year-old-drowns-clubhouse-pool-during-kindergarten-event	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/crime/five-year-old-girl-drowns-in-lenggeng-clubhouse-swimming-pool/	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/06/5-year-old-girl-drowns-in-club-pool-during-kindy-event	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/06/five-year-old-drowns-in-lenggeng-clubhouse-swimming-pool	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	MAYAT REMAJA 14 TAHUN LEMAS KETIKA CUBA AMBIL BOLA DITEMUI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1481607/mayat-remaja-14-tahun-lemas-ketika-cuba-ambil-bola-ditemui	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=E3yig7qjnk	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	DUA KANAK-KANAK PEREMPUAN DILAPORKAN HILANG DI KAMPUNG PASIR PANDAK		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-kanak-kanak-perempuan-dilaporkan-hilang-di-kampung-pasir-pandak	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
16	IBU TEMUI ANAK MENINGGAL DUNIA DALAM KERETA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-temui-anak-meninggal-dunia-dalam-kereta/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas buta tinggal bersama jasad anak ditempatkan di Rumah Seri Kenangan

Nasional - Dicipta: 06 Disember 2025 02:35 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri ditemui pemberita pada Program Nyamai Sarawak Gastronomy Festival 2025 di Kampung Budaya Sarawak, Santubong/BERNAMA

KUCHING, 6 Disember –Seorang wanita warga emas cacat penglihatan yang ditemui tinggal bersama mayat anak perempuannya selama beberapa hari akan ditempatkan di Rumah Seri Kenangan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata wanita berusia 69 tahun itu juga akan menjalani pemeriksaan fizikal dan mental bagi mengetahui tahap kesihatannya.

“Tindakan telah diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), lebih elok ditempatkan di rumah tersebut sebab kini dia seseorang selepas kematian anak yang menjaganya,” katanya ketika ditemui pada Festival Gastronomi Nyamai Sarawak 2025 di Kampung Budaya Sarawak di sini, hari ini.

Semalam media melaporkan seorang wanita warga emas cacat penglihatan terpaksa merangkak sejauh kira-kira 150 meter untuk mendapatkan bantuan selepas beberapa hari tinggal bersama mayat anak perempuannya di sebuah pondok di Jalan Kampung Telok Sabang, Kota Samarahan.

Ketua Polis Daerah Kota Samarahan Supt Damataries Lautin dilaporkan berkata warga emas berkenaan menyedari anaknya yang berusia 48 tahun telah meninggal dunia pada 30 Nov, selepas mengadu sakit dada dan sesak nafas

Walau bagaimanapun, warga emas itu tidak mampu berbuat apa-apa sehinggalah bau mayat anaknya yang semakin kuat terhidu memaksanya keluar merangkak mencari pertolongan.

Sementara itu, Nancy menyeru kepada semua ketua masyarakat agar mengambil peduli perihal masyarakat terutamanya di kawasan kampung bagi mengelakkan kejadian serupa berulang.

“(Peranan ketua masyarakat) ini membolehkan penduduk kampung mendapatkan maklumat tepat mengenai pelbagai bentuk bantuan yang disediakan oleh kerajaan dan melalui saluran yang betul khususnya JK,” katanya. – BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nyamai Gastronomi Festival Sarawak kembali meriahkan SCV

Nasional - Dicipta: 06 Disember 2025 04:16 PM



Datuk Seri Nancy melakukan sesi lawatan di sekitar tapak kawasan Program Nyamai Sarawak Gastronomy Festival 2025 di Kampung Budaya Sarawak, Santubong

KUCHING, 6 Disember – Program Nyamai Gastronomi Festival Sarawak kembali memeriahkan Kampung Budaya Sarawak (SCV) menerusi penganjuran selama dua hari yang menampilkan lebih 100 gerai makanan tradisional pelbagai etnik di negeri ini.

Program anjuran bersama rakan strategik itu bertujuan mempromosikan kepelbagaian warisan kuliner Sarawak, selain memperkenalkan SCV sebagai destinasi budaya kepada masyarakat dalam dan luar negeri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, penglibatan pelajar amat digalakkan dengan penyediaan akses masuk percuma serta perkhidmatan bas bagi memudahkan pergerakan pengunjung.

"Pelajar kita galakkan datang beramai-ramai dan kita turut sediakan bas bagi memudahkan pergerakan mereka. Setakat ini lebih 5,000 pengunjung direkodkan dan kita sasarkan sehingga 14,000 pengunjung sepanjang dua hari penganjuran," katanya.

Antara tarikan utama festival itu ialah hidangan unik seperti pais telur ikan tenggiri dan ubur-ubur, selain pelbagai juadah tradisional Melayu, Cina, Bidayuh, Iban dan Orang Ulu yang turut dipamerkan.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memaklumkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bertindak segera membantu seorang wanita warga emas yang ditemui tinggal bersendirian di kawasan hutan selepas kematian anaknya enam hari sebelum kejadian.

"Wanita berkenaan yang turut mengalami masalah penglihatan kini ditempatkan di Rumah Seri Kenangan untuk pemeriksaan kesihatan dan penilaian lanjut. Setakat ini, tiada waris tampil untuk menuntunya dan kita berpandangan lebih selamat beliau kekal di sana," katanya.

Sehubungan itu, masyarakat khususnya ketua kampung disaran agar lebih peka terhadap keadaan penduduk setempat supaya bantuan dapat disalurkan lebih awal.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kejadian seorang warga emas buta yang nekad merangkak keluar dari kediamannya bagi mendapatkan bantuan di kawasan terpencil berhampiran Kampung Tambey, Kota Samarahan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Seri Nancy Shukri menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil peserta. Foto: TVS

LaWa diperluas perkasa wanita melalui latihan digital dan kewangan – Nancy

By TVS #bm, Berita Sarawak December 6, 2025 9:08 PM

KUCHING, 6 Dis: Inisiatif Laman Wanita atau LaWa terus diperkukuh sebagai pusat pembangunan komuniti wanita dengan memberi tumpuan kepada latihan literasi digital, pengurusan kewangan dan kemahiran teknologi di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, usaha berterusan itu penting bagi memastikan golongan wanita tidak tercidir dalam arus pembangunan digital yang semakin pesat.

Bellau berkata, penguasaan teknologi kini menjadi keperluan utama agar wanita dapat meningkatkan taraf hidup, mengembangkan kerjaya serta menambah peluang pendapatan.

"Program ini menjadi ruang bagi wanita menambah kemahiran, meningkatkan literasi digital dan memberi keberanian untuk melangkah ke dalam dunia teknologi dan dalam realiti hari ini, penguasaan digital bukan pilihan lagi, ia keperluan untuk kita maju," katanya.

Nancy berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Program ICT4HeR yang berlangsung di Pustaka Negeri Sarawak, petang tadi.

Jelasnya, sebanyak 13 kemudahan LaWa telah diwujudkan di tujuh negeri, menyediakan akses pembelajaran kepada wanita daripada pelbagai latar belakang termasuk belia, ibu tunggal, suri rumah, usahawan kecil dan wanita profesional.

Tambahnya, mulai tahun ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) turut memperluas capaian melalui LaWa on the Go bagi memastikan komuniti wanita di kawasan tanpa fasiliti fizikal juga menerima manfaat pembangunan kemahiran.

Setakat September lalu, LaWa telah memberi impak kepada 10,668 wanita menerusi 716 program pemeraksanaan termasuk latihan digital di seluruh negara.

Dalam pada itu, katanya, Program ICT4HeR – Wanita dan Teknologi dilihat sebagai pemangkin perubahan sosial apabila pemeraksanaan digital wanita mampu memberi kesan langsung kepada pembangunan keluarga, anak-anak dan komuniti setempat.

Menurutnya, perubahan yang dibawa seorang wanita celik digital dapat mencetuskan rangkaian impak yang lebih besar, sekaligus menambah keyakinan golongan itu untuk bersaing dalam ekonomi moden dan menyertai peluang digital masa kini.

"Saya percaya apabila wanita diberi akses kepada ilmu, perubahan tidak berhenti pada diri seorang saja. Ia mengalir kepada anak-anak, keluarga, komuniti dan akhirnya memberi kesan kepada masa depan negara," katanya lagi.

Nancy berkata, penguasaan teknologi seperti asas kecerdasan buatan (AI), fotografi digital, grafik dan pemasaran dalam talian memberi ruang kepada wanita untuk menjana pendapatan, memulakan perniagaan dan memperkukuh kedudukan ekonomi keluarga.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jangan tarik balik laporan kes dera atau sumbang mahram

Oleh Noorazura Abdul Rahman - Disember 6, 2025 @ 10:57am



Halimaton (dua kiri) merasmikan Program Orange the World di Menara Alor Setar, di sini semalam. - Foto NSTP/Noorazura Abdul Rahman.

ALOR SETAR: Wanita di Kedah diminta untuk tidak menarik balik laporan polis yang dibuat sekiranya didera suami atau berlaku kes sumbang mahram dalam keluarga bagi memastikan pelaku dibawa ke muka pengadilan dan keselamatan mangsa terjamin.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga, Masyarakat dan Perpaduan negeri, Datuk Halimaton Shaadiah Saad, berkata masih ramai mangsa enggan meneruskan tindakan atau membuat laporan walaupun pernah mengalami penderaan akibat rasa malu, takut atau terlalu bersimpati dengan pelaku.

Katanya, perkara itu jelas memerlukan sokongan komuniti agar mangsa berasa yakin membuat laporan dan tidak berdiam diri.

"Ada wanita rasa malu, takut dan ada juga yang terlalu bersimpati. Bila kes sampai ke mahkamah dan suami sudah berada di kandang tertuduh, mereka tarik diri kerana risau siapa akan jaga anak, siapa akan jaga mereka. Inilah cabaran yang dialami ramai wanita di Kedah.

"Kita ada agensi kerajaan dan NGO (badan bukan kerajaan) boleh membantu. Jika berlaku kes sumbang mahram atau keganasan seksual, jangan berdiam diri. Laporkan kepada pihak berkuasa supaya kita dapat bantu selesaikan masalah mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program Orange the World di Menara Alor Setar, di sini semalam.

Turut hadir pada program itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), Datuk Abdul Gafar Yahya.

Peserta kemudiannya menyertai acara berjalan laju sejauh tiga kilometer di sekitar pusat bandar sebelum Menara Alor Setar diterangi cahaya oren sebagai simbol harapan menuju masa depan lebih selamat, bebas daripada keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

Halimaton berkata, Kedah mencatat peningkatan laporan kes keganasan berasaskan gender dan seksual tahun ini, selari dengan trend nasional.

"Data nasional menunjukkan keadaan membimbangkan. Pada 2024, pihak berkuasa merekodkan 7,116 kes keganasan rumah tangga di seluruh negara, meningkat daripada 5,507 kes pada 2023.

"Dari Januari hingga Jun 2025, 3,768 kes dilaporkan, 73 peratus daripadanya membabitkan wanita," katanya.

Beliau berkata, kes rogol dan gangguan seksual turut meningkat dengan 1,899 laporan rogol direkodkan pada 2024 manakala kes gangguan seksual meningkat daripada 522 kes pada 2023 kepada 788 kes pada 2024.

"Angka ini hanya mewakili kes yang dilaporkan. Ramai mangsa masih berdiam diri kerana ketakutan, rasa malu atau tidak mengetahui saluran bantuan. Jumlah sebenar mangsa dijangka jauh lebih tinggi," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar Hiasan

Persiapan rumah selamat warga emas

MENJELANG 2048, Malaysia dijangka menjadi negara tua apabila 14 peratus daripada penduduknya berusia 65 tahun dan ke atas.

Malaysia secara rasmi menjadi negara menua pada 2021 apabila populasi berumur 65 tahun dan ke atas mencecah tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Mungkin di sekeliling kita, ramai warga emas, iaitu individu berusia 60 tahun dan ke atas, masih sihat, aktif dan kuat bekerja.

Namun, pergerakan golongan ini sedikit terbatas dan boleh terdedah kepada bahaya sekiranya persekitarannya tidak mesra warga emas.

Menghadapi fasa tua boleh menjadi mimpi ngeri sekiranya tiada persediaan awal dilakukan.

Di peringkat pembangunan, turut diberikan penekanan terhadap konsep mesra warga emas, termasuk reka bentuk bandar, kemudahan awam, pengangkutan dan teknologi digital yang mudah digunakan.

Justeru, keselesaan dan keselamatan ini harus bermula dari rumah sendiri, memandangkan warga emas banyak menghabiskan masa di rumah.

Bagi mereka yang berusia sekitar 40 tahun ketika ini, mungkin anda boleh mempertimbangkan untuk mewujudkan persekitaran mesra warga emas bermula hari ini.

Terdapat beberapa cara untuk memastikan rumah lebih selamat dan mesra warga emas.

UMAH SELAMAT

Pastikan lantai rumah mesra warga emas. Lantai yang dimaksudkan tidak hanya merujuk bahagian permukaan lantai, tetapi turut merangkumi barangan yang berada di lantai.

Kurangkan penggunaan permaidani atau tikar kerana kedua-duanya boleh memerangkap debu.

Sekiranya tetap digunakan, pastikan ia tidak mudah bergerak atau licin. Situasi ini penting, lebih-lebih lagi bagi warga emas yang menggunakan alat bantuan berjalan seperti tongkat.

Susun atur ruang juga perlu memastikan laluan pergerakan yang luas. Selain itu, penyusunan barangan kegunaan harian haruslah mudah diakses oleh warga emas, khususnya barangan yang berada di kawasan bilik air. Pastikan barangan ini berada pada ketinggian yang mudah dicapai, bukan di dalam almari yang terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Untuk kawasan bilik air, sediakan alat bantuan kebolehcapaian dan bar sokongan.

Kemudahan ini penting kerana kawasan bilik air mudah menyebabkan warga emas terjatuh akibat keadaan lantai yang licin.

Cengkaman dan kekuatan mereka juga tidak lagi sekuat dahulu. Seterusnya, tukar pemegang tombol pintu kepada jenis tuas yang lebih mudah dibuka.

Periksa juga pili paip agar tidak terlalu sukar digunakan atau gantikan dengan pili jenis ceramic valve, yang hanya perlu dipusing 90 darjah untuk membuka atau menutup paip.

Selain itu, pencahayaan yang mencukupi di kawasan laluan utama seperti koridor, tangga, dapur dan bilik air dapat mengurangkan risiko tersadung atau terjatuh.

PERSEKITARAN SELAMAT

Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) juga penting atas faktor keselamatan. Pemasangan CCTV ini bukan sahaja untuk kawasan luar rumah, tetapi turut melibatkan setiap ruang di dalam rumah.

CCTV kini lebih canggih dan membolehkan ia diakses selama 24 jam melalui telefon pintar.

Dengan itu, anak yang tinggal berjauhan dapat memantau keselamatan ibu bapa mereka dan tindakan pantas boleh diambil sekiranya berlaku kecemasan.

Persediaan kecil seperti ini penting untuk menjadikan rumah mesra warga emas.

Apabila rumah lebih selamat dan selesa, warga emas dapat bergerak dengan yakin serta hidup dengan lebih tenang. Dengan langkah yang tepat, kediaman hari ini dapat menjadi tempat perlindungan terbaik pada usia tua nanti.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPPPA dan KKP Gelar Bazar UMKM Perempuan: Dorong Ekonomi dan Rayakan Hari Ibu 2025

Kementerian PPPA dan KKP bersinergi menggelar Bazar UMKM Perempuan spesial Hari Ibu dan akhir tahun 2025. Inisiatif ini membuka peluang ekonomi dan meningkatkan daya saing produk lokal.

Sabtu, 06 Des 2025 10:50:00



Kementerian PPPA dan KKP bersinergi menggelar Bazar Produk UMKM Perempuan spesial Hari Ibu dan akhir tahun 2025 di Jakarta. Inisiatif ini membuka peluang ekonomi dan meningkatkan daya saing p...

Kementerian Pemberdayaan Perempuan dan Perlindungan Anak (KPPPA) bersama Kementerian Kelautan dan Perikanan (KKP) telah sukses menyelenggarakan Bazar Produk Kelautan dan Perikanan. Acara ini berlangsung di Kantor Kementerian Kelautan dan Perikanan, Jakarta, sebagai bagian dari perayaan Hari Ibu ke-97 tahun 2025. Inisiatif kolaboratif ini bertujuan untuk memperkuat daya saing serta membuka peluang ekonomi yang lebih luas bagi para pelaku Usaha Mikro, Kecil, dan Menengah (UMKM) yang dikelola oleh perempuan di seluruh Indonesia.

Bazar ini secara khusus diselenggarakan untuk menyemarakkan peringatan Hari Ibu dan menyambut akhir tahun 2025, menunjukkan komitmen pemerintah dalam mendukung peran strategis perempuan. Menteri PPPA, Arifah Fauzi, menyampaikan apresiasi mendalam atas sinergi luar biasa yang terjalin antara kedua kementerian. Kolaborasi ini menjadi bukti nyata dukungan terhadap perempuan pelaku usaha.

Dengan menghadirkan berbagai produk unggulan, bazar ini diharapkan mampu menjadi platform efektif bagi UMKM perempuan. Mereka dapat mempromosikan hasil karya serta inovasi produk mereka kepada masyarakat luas. Langkah ini diharapkan dapat mendorong pertumbuhan ekonomi keluarga dan nasional secara berkelanjutan.

Meningkatkan Daya Saing Produk UMKM Perempuan

Bazar Produk Kelautan dan Perikanan ini menjadi etalase bagi beragam produk UMKM yang berkualitas tinggi. Sebanyak 65 *tenant* turut serta memamerkan hasil karya mereka, mulai dari fesyen, aksesoris, hingga olahan ikan dan aneka makanan serta minuman. Keberagaman produk ini menunjukkan potensi besar UMKM perempuan dalam menciptakan nilai tambah ekonomi.

Menteri Arifah Fauzi mengungkapkan kebahagiaannya melihat langsung semangat dan keuletan para perempuan pelaku usaha. Beliau menyoroti kerja keras mereka dalam meningkatkan kualitas diri dan produk demi menopang ekonomi keluarga. "Hari ini saya sangat bahagia karena dapat melihat secara langsung betapa ulet dan luar biasanya kerja keras para perempuan yang terus berupaya meningkatkan ekonomi keluarga dengan meningkatkan kualitas diri dan kualitas produk," ujar Arifah Fauzi.

Penyelenggaraan bazar ini merupakan bentuk nyata dukungan pemerintah dalam memperkuat posisi perempuan sebagai pelaku usaha. Ini memberikan kesempatan berharga bagi mereka untuk menampilkan inovasi dan hasil produksinya kepada khalayak luas. Dengan demikian, produk-produk UMKM perempuan dapat dikenal lebih luas dan daya saingnya meningkat di pasar.

Melalui platform ini, para pelaku UMKM tidak hanya menjual produk, tetapi juga membangun jaringan dan mendapatkan umpan balik langsung dari konsumen. Interaksi ini krusial untuk pengembangan produk dan strategi pemasaran di masa mendatang. Dengan demikian, bazar ini berfungsi sebagai inkubator bagi pertumbuhan ekonomi UMKM perempuan.

Sinergi Pemerintah untuk Pemberdayaan Ekonomi Perempuan

Menteri Arifah Fauzi secara khusus mengapresiasi Kementerian Kelautan dan Perikanan (KKP) serta Dharma Wanita Persatuan (DWP) KKP atas konsistensinya. Sinergi ini telah berhasil menghadirkan ruang promosi yang berkelanjutan bagi UMKM perempuan, khususnya mereka yang berasal dari wilayah pesisir. Kolaborasi ini menunjukkan komitmen kuat pemerintah dalam pemberdayaan ekonomi.

Bazar ini menegaskan bagaimana KKP membuka ruang seluas-luasnya bagi UMKM perempuan untuk memperluas jangkauan pasar mereka. Ini adalah langkah strategis untuk memastikan produk-produk lokal dapat bersaing di tingkat nasional maupun internasional. "Ini merupakan bentuk nyata bagaimana Kementerian Kelautan dan Perikanan membuka ruang seluas-luasnya bagi UMKM perempuan untuk memiliki pasar yang lebih luas," kata Arifah Fauzi.

Perayaan Hari Ibu ke-97 tahun 2025 menjadi momentum yang tepat untuk mengukuhkan peran perempuan dalam pembangunan ekonomi. Semangat luar biasa dari para UMKM perempuan yang berpartisipasi dalam bazar ini menjadi inspirasi. Pemerintah berharap, inisiatif seperti ini dapat terus berlanjut dan memberikan dampak positif yang signifikan bagi kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

Inisiatif kolaboratif ini tidak hanya terbatas pada aspek promosi, tetapi juga mencakup peningkatan kapasitas dan akses terhadap sumber daya. Pemberdayaan UMKM perempuan merupakan investasi jangka panjang untuk stabilitas ekonomi dan sosial. Keterlibatan aktif pemerintah menjadi kunci utama dalam mewujudkan tujuan tersebut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Masih kurang kesedaran mengenai 'menopause' dalam kalangan lelaki - Doktor



Seth Akmal

06/12/2025 | 21:09 MYT



Sejak 2020 hampir 15 sehingga 20 peratus pesakit dewasa telah hadir ke Kliniknya untuk mendapatkan suntikan TRT, kata Dr Subbiah. - Foto Astro AWANI

SHAH ALAM: Ramai golongan lelaki di Malaysia kurang kesedaran mengenai masalah andropause atau penurunan hormon testosteron secara perlahan-lahan dalam diri mereka.

Menurut Ketua Doktor Klinik SuamiSihat, Dr Rakesh Subbiah, tanda awal andropause termasuk perubahan emosi, kualiti kerja menurun, dan berkurangnya daya seksual, walaupun ia berlaku secara perlahan berbanding menopause pada wanita.

"Selain itu, individu terbabit juga akan mengalami masalah seksual seperti 'kurang keras' atau hilang ereksi pada waktu pagi," katanya semasa wawancara khas bersama *Astro AWANI* di sini.

Tambahnya, faktor kesihatan seperti penyakit kronik juga menyumbang kepada masalah andropause dan akhirnya ia turut menjejaskan kualiti sperma lelaki.

Menurut Dr Subbiah, selain daripada masalah andropause, ia juga berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat seperti merokok dan tidak menjaga pemakanan yang berkualiti.

"Ramai lelaki datang dengan kualiti sperma semakin menurun akibat gaya hidup, stres, kurang tidur dan pemakanan yang tidak sihat," katanya.

Setiap penyakit ada penawarnya

Menurut Dr Subbiah, rawatan seperti suntikan Testosterone Replacement Therapy (TRT) yang telah digunakan sejak 50-an dan kini semakin popular di Malaysia dalam tempoh tiga hingga lima tahun kebelakangan ini.

Namun tegasnya, suntikan ini hanyalah bagi pesakit yang layak iaitu mereka yang tidak merancang untuk mendapat zuriat dalam masa terdekat, tidak mempunyai paras kolesterol atau trigliserida yang terlalu tinggi, bebas daripada risiko kanser prostat serta tidak mengalami masalah darah terlalu pekat.

"Kesan TRT biasanya positif.. tenaga meningkat, fokus lebih baik, dan prestasi seksual bertambah baik," katanya.

Menurutnya, sejak 2020 hampir 15 sehingga 20 peratus pesakit dewasa telah hadir ke kliniknya untuk mendapatkan suntikan TRT.

Selain TRT, beliau turut mengutamakan rawatan pemulihan gaya hidup terlebih dahulu agar pesakit tidak hanya bergantung kepada suntikan semata-mata.

Kebanyakan pesakit akan melalui rawatan kecergasan memastikan otot dan saraf dalam tubuh mereka dapat berfungsi dengan penuh tenaga.



Menurut Dr Subbiah Menurut, sejak 2020 hampir 15 sehingga 20 peratus pesakit dewasa telah hadir ke kliniknya untuk mendapatkan suntikan TRT. - Foto Astro AWANI

Beliau turut memberi amaran mengenai sesetengah golongan dewasa memilih ubat yang tidak mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dr Subbiah menekankan bahawa ubat dan jamu yang tidak diluluskan oleh KKM kebanyakannya mengandungi sildenafil murah.

"Kesan sampingan boleh menjejaskan buah pinggang, menyebabkan sakit kepala atau jantung berdebar," katanya lagi.

Pada 2023, ujian analisis sperma Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) mendedahkan sebanyak 60 peratus keputusan adalah tidak normal.

Jumlah kelahiran di Malaysia mencatatkan rekod terendah pada 2024 apabila hanya 414,918 bayi dilahirkan, menurun sembilan peratus berbanding 2023 iaitu 455,761 bayi.

Pada masa sama, masalah kesuburan lelaki kini dilihat bakal menjejaskan pertumbuhan penduduk sehingga menimbulkan persoalan besar sama ada sasaran populasi 42.83 juta menjelang 2059 benar-benar mampu dicapai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa banjir di Perak, Selangor menurun, Pahang kekal

BERNAMA



SUKARELAWAN menyediakan bantuan bot untuk penduduk Hulu Langat yang menghadapi banjir lalu. FOTO Saifullizan Tamadi.

Kuala Lumpur: Situasi banjir di tiga negeri menunjukkan perkembangan positif setakat 9 malam ini, apabila jumlah mangsa di Perak dan Selangor terus mencatatkan penurunan, manakala Pahang kekal tidak berubah.

Di **PERAK**, jumlah mangsa menurun kepada 1,021 orang daripada 291 keluarga yang masih berlindung di 10 pusat pemindahan sementara (PPS) di tiga daerah, berbanding 1,280 orang daripada 376 keluarga pada sebelah petang.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Perak memaklumkan daerah Hilir Perak kekal mencatat angka tertinggi dengan 465 mangsa, diikuti Bagan Datuk (335) dan Manjung (221).

Di **SELANGOR**, jumlah mangsa juga terus berkurangan kepada 114 orang daripada 45 keluarga berbanding 122 orang daripada 49 keluarga petang tadi.

Menurut laman web InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), hanya tiga PPS masih beroperasi, semuanya terletak di daerah Kuala Selangor.

Sementara itu di **PAHANG**, jumlah mangsa kekal 31 orang daripada 12 keluarga.

InfoBencana JKM memaklumkan, daerah Raub menempatkan 24 mangsa di PPS Balai Raya Kampung Ulu Sungai, manakala tujuh sekeluarga masih berlindung di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kuantan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kasih! 61 bayi masih berindung, tidur di PPS

Nurhanim Osman
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Seramai 2,193 mangsa banjir masih berindung di 33 pusat pemindahan sementara (PPS) yang beroperasi di tujuh negeri, setakat jam 7 pagi tadi.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah itu menunjukkan penurunan berbanding 3,135 mangsa yang direkodkan pagi semalam.

Sebanyak 11 PPS masih beroperasi di Perak, manakala lapan lagi di Perlis, diikuti Selangor (enam PPS), Pahang (tiga PPS) dan Sarawak (dua PPS).

Selain itu, satu PPS direkodkan masih beroperasi di Kelantan dan Sabah.

Keseluruhan mangsa banjir itu membabitkan 708 lelaki dan 699 perempuan, manakala 727 kanak-kanak, 61 bayi, 272 warga emas dan 52 orang kurang upaya (OKU).

Sementara itu, Jabatan Meteorologi (METMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir dijangka berlaku di beberapa kawasan di Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sarawak, Sabah dan Labuan sehingga jam 9 pagi ini.

Di Pahang, MetMalaysia meramalkan ribut petir di daerah Jerantut dan Maran; Johor (Tangkak, Muar dan Mersing); Negeri Sembilan (Port Dickson, Rembau dan Tampin).

Manakala di Selangor (Sabak Bernam dan Kuala Selangor); Sarawak, Kuching (Lundu dan Kuching), Samarahan, Betong (Pusa dan Betong), Mukah (Matu, Dalat dan Mukah) dan di Sabah, Pedalaman (Kuala Penyu).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



OKU hilang pendapatan selepas berdepan kemalangan

Oleh Samadi Ahmad - Disember 6, 2025 @ 12:18pm



Nazari (tengah) bersama sebahagian peserta Go Green Charity Run 2.0 di perkarangan Wisma PEKEMA. - Foto/NSTP Samadi Ahmad.

CYBERJAYA: "Selepas berdepan kemalangan Julai lalu, saya hilang pendapatan untuk menyara keluarga dan bergantung kepada ihsan keluarga," kata orang kurang upaya (OKU), Syazwan Roshti.

Syazwan, 28, dari Sendayan, Negeri Sembilan, yang juga bekas atlet berbasikal OKU Kebangsaan berkata, beliau bersama skuad negara sejak 2004 hingga 2019 sebelum bekerja sambilan, selain menerima bantuan RM450 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Katanya, selepas terbabit dalam kemalangan membabitkan sebuah bas sekolah, beliau tidak lagi mampu bekerja kerana mengalami kecederaan pada bahagian peha kanan dan masih menerima rawatan bulanan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan.

"Saya mengucapkan terima kasih atas bantuan disalurkan Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA). Sumbangan ini dapat membantu menyara dua anak yang masih kecil," katanya kepada pemberita pada Program Go Green Charity Run 2.0 anjuran PEKEMA di sini, hari ini.

Program Go Green Charity Run 2.0 kali ini disertai 700 peserta membabitkan larian sejauh 5 kilometer (km) dan 10 km.

Syazwan turut merakamkan penghargaan kepada Yayasan Kebajikan Atlet Malaysia (Yakeb) yang menyalurkan bantuan RM500 sebulan sejak kemalangan berlaku bagi membantunya meneruskan kelangsungan hidup.

Katanya, setakat ini bantuan JKJ sudah terhenti dan masih menunggu kelulusan untuk disambung semula.

"Saya berharap ia dapat dipercepatkan kerana perlu menyara kehidupan keluarga dan tidak mahu terus bergantung kepada ihsan pihak lain," katanya yang hadir ditemani isteri, Atikah Najwa Azlizan.

Sementara itu, Presiden PEKEMA, Datuk Nazari Noordin, berkata yaysan menyalurkan bantuan kepada dua pusat tahfiz masing-masing sebanyak RM5,000 dan RM10,000, selain pemberian RM3,000 kepada 10 atlet veteran yang pernah mengharumkan negara dalam pelbagai acara sukan.

Menurutnya, yaysan menyalurkan anggaran kira-kira RM2 juta setahun, iaitu sekitar RM100,000 hingga RM200,000 sebulan, meliputi bantuan pendidikan, perubatan, golongan asnaf serta bantuan bencana termasuk banjir dan kebakaran.

Beliau berkata, Go Green Run akan dijadikan acara tahunan, malah pihaknya menerima cadangan untuk mengajarkannya di Sabah atau Sarawak pada tahun hadapan.

"Bagi 2026, yaysan akan meneruskan program khidmat sosial masyarakat seperti Program Shopping Raya membabitkan golongan B40 pada Ramadan serta agihan kelengkapan sekolah menjelang permulaan sesi persekolahan Januari," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal jadi kapten bas terbaik dalam kursus anjuran MAIWP

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@metro.com.my



NURUL Ain Nadia Abdullah ditemui selepas Majlis Graduasi dan Apresiasi Latihan Kerja MAIWP ke-4, hari ini. FOTO Rohanis Shukri.

Kuala Lumpur: Statusnya sebagai ibu tunggal menjadi pemangkin semangat buat Nurul Ain Nadia Abdullah, 25, untuk berdikari dan membina kerjaya sendiri meskipun dalam bidang yang dimonopoli lelaki.

Berasal dari Setiu, Terengganu, Nurul Ain Nadia berkata, dia tidak pernah menyangka kerjayanya boleh berubah daripada pemandu lori kepada pemandu bas.

"Pada asalnya saya mahu menyambung lesen (memandu) lori kerana saya bekerja sebagai pemandu lori kelapa sawit di kampung, selain bekerja sebagai pengawal keselamatan.

"Namun apabila saya ke karnival kerjaya, pihak Mara Liner mencadangkan supaya saya mengambil lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) agar boleh memandu bas, dengan menyertai kursus ditawarkan pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)," katanya yang ditemui pada Majlis Graduasi dan Apresiasi Latihan Kerja MAIWP di Pusat Konvensyen Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), di sini, hari ini.

Katanya, dia berbesar hati menyertai kursus itu dan tidak menyangka menerima anugerah penuntut terbaik dalam bidang kapten bas, meskipun menjadi satu-satunya pelajar wanita.

"Saya terkejut apabila dinobatkan anugerah itu kerana ada lagi ramai pemandu yang mengambil bidang sama mempunyai lebih banyak pengalaman.

"Selepas mendapat lesen PSV, dalam tempoh dua minggu, saya terus mendapat tawaran kerja sebagai kapten bas dengan pihak Mara Liner Sdn Bhd," katanya yang terpaksa meninggalkan dua anak berusia dua dan lima tahun di kampung untuk mencari pendapatan di kotaraya.

Bagi Asnahnengnely Rahmat, 32, pengalaman menjalani latihan dalam bidang spa dan perbidanan dengan pihak MAIWP memberinya peluang untuk menambah pendapatan keluarga.

"Sebelum ini, saya suri rumah dan hanya suami yang bekerja sebagai penjawat awam untuk menyara lima anak kami berusia satu hingga 11 tahun.

"Dengan pendapatan sebanyak RM2,500 sebulan yang diperoleh bekerja menjaga orang berpantang, saya mampu membantu meringankan beban kewangan suami.

"Menerusi pengalaman diperoleh dalam latihan sebelum ini, saya berharap ia dapat bantu saya bangunkan syarikat sendiri suatu hari nanti," katanya.

Sementara itu, Syakir Jafri Shahrul Azman, 26, berkata, latar belakang keluarganya yang dikategori sebagai asnaf mendorongnya untuk menjalani latihan dalam bidang fiber optik.

Katanya, ibunya, Yuhanis Yusuf, 55, yang juga ibu tunggal dan pesara tentera, banyak memberi sokongan kepadanya untuk mengikuti latihan bagi membina kerjaya dalam bidang teknikal.

"Disebabkan itu, saya mahu belajar supaya boleh membantu keluarga keluar daripada kepompong kemiskinan. Selepas ini, saya juga mahu membantu orang lain yang mempunyai nasib sama seperti kami," katanya yang berasal dari Kuala Lumpur.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Fahmi dedah ada murid 10 tahun minta gambar tidak senonoh daripada gurunya

Bernama - Disember 6, 2025 @ 8:20pm



Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil pada sidang media majlis penutupan Karnival Mega Kempen Internet Selamat di IOI Mall Putrajaya. - Foto ROHANIS SHUKRI

PUTRAJAYA: Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil sekali lagi menekankan keperluan pelaksanaan had umur 16 tahun untuk penggunaan media sosial bagi melindungi golongan kanak-kanak dan remaja daripada risiko dieksploitasi atau didedahkan dengan perkara yang tidak patut dalam talian.

Berkongsi insiden seorang murid seawal usia 10 tahun meminta gambar tidak senonoh daripada gurunya menerusi WhatsApp, Fahmi berkata, hal itu adalah antara contoh jelas yang menunjukkan keperluan sekatan media sosial bagi golongan muda.

Beliau berkata, kejadian itu dimaklumkan sendiri oleh seorang guru dari Kuala Lumpur yang mengadu bahawa murid tahun empatnya menghantar mesej menerusi aplikasi pemesejan itu.

"Kita berharap isu seperti ini dapat diatasi dengan sekatan terhadap platform media sosial dan sistem pemesejan seperti WhatsApp. Kita bukan nak halang semua aplikasi, tetapi pada waktu ini kita lihat adalah media sosial.

"Saya percaya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum perkara-perkara seperti itu (insiden murid minta gambar guru)," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penutupan Karnival Mega Kempen Internet Selamat 2025 di Pusat Pameran dan Konvensyen IOI City Mall, di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching, Ketua Setiausaha Kementerian itu Datuk Abdul Halim Hamzah, Pengarah Urusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Abdul Karim Fakir Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin.

Fahmi berkata, kementerian juga sedang bekerja rapat bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dalam melaksanakan Akta Keselamatan Dalam Talian (OnSA) 2024 bagi menjamin penggunaan Internet yang selamat.

Beliau berkata, OnSA membenarkan denda hingga RM10 juta, namun pihaknya masih sedang meneliti mekanisme sesuai dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan sekatan umur media sosial yang sesuai di negara lain, termasuk denda seperti di Australia.

"Kita akan berbincang dengan platform media sosial dalam merangka kerangka yang sesuai dengan Malaysia, contohnya proses pengesahan identiti seperti penggunaan dokumen rasmi kerajaan seperti MyKad, atau MyPR dan pasport bagi bukan warganegara.

"Kita juga menghubungi Suruhanjaya Tinggi Australia untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai pelaksanaan dasar itu (had umur), yang akan bermula 10 Disember ini di negara itu, tapi pihak platform-platform media sosial telah mula sama ada menyekat ataupun melupuskan akaun-akaun yang tidak menepati syarat itu," jelasnya.

Sementara itu, Fahmi berkata, Kempen Internet Selamat anjuran MCMC akan diteruskan awal tahun depan selepas berjaya menarik penyertaan 8,462 sekolah melibatkan 369,005 pelajar di seluruh negara, setakat 30 November lalu.

"Pada awalnya kita menyasarkan 10,000 sekolah. Tahun depan, kita akan pergi ke sekolah seterusnya dan perluaskan lagi kempen ini sebagai Kempen Internet Selamat 2.0 dengan penglibatan lebih banyak komuniti termasuk rukun tetangga, ibu bapa serta rumah-rumah ibadat dalam menjamin keselamatan dalam talian ini diperluas ke seluruh masyarakat," katanya.

MCMC menerusi kenyataan memaklumkan, fokus pada 2026 adalah meneruskan pelaksanaan kempen itu di sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta memperluas jangkauan kepada pengguna Internet yang lain seperti warga emas, belia dan ibu bapa.

Sebelum ini, kempen berkenaan diperluas kepada komuniti, agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat yang melibatkan 466 program dan 287,939 peserta.

Karnival Mega Kempen Internet Selamat menampilkan pelbagai aktiviti utama seperti Pertandingan Peringkat Akhir Debat antara IPT yang buat julung-julung kalinya diadakan, forum, pameran keselamatan dalam talian oleh pelbagai agensi serta aktiviti interaktif di reruai yang berjaya menarik kehadiran hampir 3,000 pengunjung. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak lima tahun lemas dalam kolam rumah kelab

Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my



Nur Dhiya Azzalea

Seremban: Kanak-kanak berusia lima tahun maut, dipercayai lemas ketika mandi bersama rakan di sebuah rumah kelab di Lenggeng, di sini, hari ini.

Dalam kejadian 12.15 tengah hari itu, mangsa dikatakan sempat dibawa ke Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), sebelum disahkan meninggal dunia ketika menerima rawatan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafny Ahmad berkata, ketika kejadian, berlangsung majlis penyampaian hadiah sebuah tadika di rumah kelab berkenaan.

"Mangsa, Nur Dhiya Azzalea Noor Muhamad berusia lima tahun didakwa mandi bersama rakan, sebelum tiba-tiba hilang daripada penglihatan bapanya.

"Pengadu menemui anaknya tidak bergerak di dalam kolam dan bantuan pernafasan kecemasan (CPR) diberikan orang awam," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, mangsa kemudiannya dibawa ke HTJ dan tiba di Zon Merah Jabatan Kecemasan hospital itu 1.06 tengah hari, segera diberi rawatan, namun disahkan meninggal dunia oleh doktor bertugas.

Alzafny berkata, buat masa ini kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR), namun siasatan lanjut masih dijalankan termasuk dibuka mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Jasad mangsa akan dibawa ke Bahagian Perubatan Forensik Hospital Rembau untuk prosedur bedah siasat, manakala orang ramai diminta tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kejadian," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mayat remaja 14 tahun lemas ketika cuba ambil bola ditemui

Oleh **Samadi Ahmad** - Disember 6, 2025 @ 9:41pm



Anggota SAR melakukan kerja mengeluarkan mangsa di sebuah takungan air berhampiran pasar raya di Taman Prima Saujana malam ini. - Foto NSTP/Samadi Ahmad

KAJANG: Mayat remaja lelaki yang dilaporkan lemas ketika cuba mengambil bola dalam longkang di Lorong 1/3A, Taman Prima Saujana akhirnya ditemui petang tadi.

Sumber berkata, mayat Khalish Shahdan, 14, ditemui dalam takungan air berhampiran sebuah pasar raya di Prima Saujana selepas pasukan mencari dan menyelamat (SAR) mengesan bau di kawasan itu.

Pencarian memasuki hari ketiga sejak Khalish dilaporkan hilang, sebelum mayatnya berjaya dikeluarkan jam 8.45 malam dan dibawa ke Hospital Kajang untuk bedah siasat.

Tinjauan di lokasi mendapati, ahli keluarga mangsa berkumpul sejak petang bagi mengikuti perkembangan operasi SAR.

Ibu saudara mangsa, Nor Zieta Ibrahim, 39, berkata ahli keluarga bergegas ke lokasi selepas dimaklumkan penemuan mayat sekitar jam 5 petang.

Katanya, pihak keluarga bersyukur kerana akhirnya mayat Khalish ditemui selepas menanti dengan penuh debaran selama tiga hari.

"Sepanjang tempoh ini, ahli keluarga mengadakan doa tahlil dan solat hajat supaya urusan pencarian dipermudahkan. Penemuan ini sedikit sebanyak meredakan keresahan ibu bapa mangsa yang kehilangan dua anak sekali gus," katanya.

Kejadian Khamis lalu itu membabitkan dua kanak-kanak lelaki bersaudara berusia 12 dan 14 tahun yang dikhuatiri lemas selepas terjatuh ke dalam longkang besar sebelum dihanyutkan arus deras.

Mayat Qayyum Shaqeel, 12, ditemui kira-kira dua kilometer dari lokasi terjatuh pada malam kejadian di Sungai Merbau, Kampung Sungai Kantan jam 7.47 malam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua kanak-kanak perempuan dilaporkan hilang di Kampung Pasir Pandak

Nasional - Dicipta: 06 Disember 2025 10:45 PM



Dua kanak-kanak perempuan yang dilaporkan hilang di Kampung Pasir Pandak

KUCHING, 6 Disember - Dua kanak-kanak perempuan berusia masing-masing lima tahun dilaporkan hilang di Kampung Pasir Pandak, Kuching sejak pagi tadi.

Menurut kenyataan media Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), siasatan awal mendapati mangsa kali terakhir dilihat pada pukul 9 pagi ketika bermain bersama sepupu di rumah nenek mereka, kira-kira 50 meter dari rumah mangsa.

Namun pada pukul 11 pagi, bapa salah seorang mangsa menyedari kedua-duanya tidak berada di kawasan mereka bermain.

"Penduduk kampung bersama keluarga kemudian melancarkan pencarian awal di sekitar kawasan kampung, namun gagal menemui sebarang petunjuk," menurut kenyataan tersebut.

Pada pukul 6 petang, satu laporan polis dibuat selepas usaha pencarian tidak membuahkan hasil.

Humaira Qalesya dilaporkan berbaju hitam belang putih, berseluar jeans biru dan berselipar hijau, manakala Nur Ashafieya Aisyah berbaju putih dan berselipar ungu.

Setakat ini, operasi pencarian masih giat dijalankan dengan kekuatan sembilan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Petra Jaya.

Terdahulu, JBPM menerima panggilan daripada Balai Polis Santubong pada pukul 8 malam mengenai kehilangan mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu temui anak meninggal dunia dalam kereta

🕒 06 Disember 2025, 6:55pm



Polis mengangkat mayat lelaki yang ditemui meninggal dunia dalam kereta di Danau Kota, Setapak. Foto tangkap layar video tular.

Oleh: Hafidzul Hilmi Mohd Noor

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki ditemui meninggal dunia di dalam kereta yang diletakkan di Danau Kota, Setapak, hari ini.

Mayat lelaki berusia 35 tahun itu ditemui ibunya sendiri ketika wanita berkenaan sedang melalui kawasan terbabit untuk ke tempat kerja.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Asisten Komisioner Mohamad Lazim Ismail berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu pada jam 7.52 pagi.

“Siasatan awal mendapati tiada sebarang kesan kecederaan pada tubuh badan si mati dan tidak juga mengesan unsur jenayah di lokasi kejadian setakat ini,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, mayat mangsa dibawa ke Hospital Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR).